

**TEKS UCAPAN BRIG. JENERAL DATO' PROF. DR.
KAMARUDIN HUSSIN NAIB CANSELOR UniMAP
BERSEMPENA MAJLIS PERASMIAN PENUTUP PROGRAM
JALAN KAKI DAN BANTAHAN AMAN TERHADAP
KEGANASAN ISRAEL PADA 17 JANUARI 2009
BERTEMPAT DI KAMPUS TETAP UniMAP ULU PAUH.**

Bismillahir-Rahmanir-Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh dan
Selamat Sejahtera.

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ali Yeon Md. Shakaff, Timbalan
Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP,

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan
Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP,

Pegawai-pegawai Utama UniMAP, Dekan-dekan dan Ketua-
ketua Jabatan, Staf-staf, Majlis Perwakilan Pelajar UniMAP,
Para pelajar UniMAP yang dikasihi, wakil-wakil media
seterusnya hadirin hadirat yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah Subbahanu Wa Taala di atas limpah kurnia serta rezeki yang dicurahkan, kasih dan sayang-Nya mengizinkan kita semua hamba-Nya berkumpul bersama-sama di dalam Majlis Perasmian Penutup Program Jalan Kaki Lasak dan Bantahan Aman terhadap keganasan Israel yang diadakan pada hari ini.

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan saya kepada kepada barisan tetamu dan dif-dif kehormat yang sudi melapangkan masa, hadir bagi memeriahkan lagi majlis.

Sesungguhnya kami memandangi tinggi komitmen tuan-tuan dan puan-puan yang sentiasa menyokong dan memberikan kerjasama dalam apa jua program yang dianjurkan oleh universiti.

Di kesempatan ini saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli jawatankuasa penganjur yang bertungkus lumus memastikan kelangsungan dan kejayaan majlis yang dianjurkan hari ini walaupun berdepan dengan kesuntukan masa. Sesungguhnya, komitmen dan kerjasama anda semua dalam menjayakan majlis ini Amat-amat saya hargai.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Program jalan kaki lasak ini merupakan program tahunan UniMAP yang diwajibkan untuk semua relajar tahun 1. Selain itu, kita turut menggalakkan staff dan kakitangan UniMAP untuk sama-sama terlibat bagi memupuk semangat persaudaraan antara pelajar dan staff.

Objektif utama penganjuran majlis ini ialah untuk mendedahkan pelajar kepada aktiviti lasak yang memerlukan mereka berjalan dengan jarak yang agak jauh. Pada kali ini kita telah menetapkan para pelajar dan staf untuk berjalan sejauh 23.21 km iaitu bermula dari MRSM Beseri hinggalah ke kampus tetap UniMAP di Ulu Pauh ini.

Ingin saya tegaskan di sini, ia bukanlah program untuk mendera atau menyusahkan pelajar dan staff, tetapi kita turut membekalkan makanan dan minuman di setiap check point yang dilalui.

Selain itu, program ini membantu dalam usaha untuk melahirkan pelajar universiti yang cerdas, cergas dan mempunyai ketahanan mental dan fizikal yang tinggi.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Saya percaya, pengajuran majlis pada hari ini membawa sejuta erti buat kita di UniMAP kerana kita bukan sahaja menjayakan kursus wajib universiti iaitu 7 Pillars malah disebaliknya kita turut membuat kebajikan melalui bantahan kita terhadap kekejaman Israel terhadap Penduduk Palestine.

Saya tidak ingin mengkategorikan perarakan kita ini sebagai Piket atau Tunjuk Perasaan, tetapi cukuplah untuk mengelaskan program ini sebagai bantahan aman yang menggambarkan suara dan isi hati warga UniMAP keseluruhannya terhadap keganasan yang ditunjukkan oleh puak Israel terhadap saudara seagama kita di Palestin.

Today, i feel very lucky to have our International students who also participate in this event in order to show their concern in helping those victims in Palestine. Please give them a big applause. We have together with us today International Students from Indonesia, China and Finland.

I really hope this event will unite us together in voicing out our protest against the Zionist. Let us pray for their safety and hope the war will ended soon.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Sama ada sedar atau tidak keseluruhan masyarakat dunia menunjukkan hasrat untuk bekerjasama menyelesaikan konflik Israel-Palestin yang sehingga kini masuk hari ke-20 dan telah mengorbankan lebih 1,000 nyawa yang tidak berdosa.

Di kesempatan ini, saya juga ingin memetik sedikit puisi hasil nukilan penyair veteran, Ahmad Sarju untuk renungan kita bersama :

Yang berlumuran darah
 rebah dan patah
 yang putus hangus
 tersepit dan tertimbus
yang terkurung bingung
 melaung dan meraung
yang merangkak meniarap
 terketar dan menggeletar
 yang layu dan terkulai
 tak mampu bergerak
 yang menitis ke bumi
 bukan air mata
tetapi darah rakyat Palestin.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Tiada apa yang mampu kita lakukan, selain berdoa dan berharap agar kekejaman ini akan segera berakhir. Agar tiada lagi esak tangis anak-anak kecil yang tidak berdosa menahan kesakitan bedilan peluru, agar tiada lagi golongan wanita yang menjadi korban, agar tiada lagi setitis darah yang tidak berdosa mengalir ke bumi.

Disebalik itu, kami di UniMAP juga menubuhkan tabung khas Bantuan Rakyat Palestin untuk mengumpul dana dan sumbangan ikhlas dari kakitangan, pelajar UniMAP serta rakan-rakan industri kami kerna hanya melalui cara ini, bantahan dan suara kami mampu disalurkan.

Semoga melalui cara kami yang tidak seberapa ini juga, akan memberi sedikit sinar untuk saudara-saudara seIslam di Palestin.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Sebelum mengakhiri ucapan pada hari ini, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua petugas, peserta, staf dan relajar-pelajar UniMAP atas penglibatan anda semua pada hari ini.

Sesungguhnya besarlah harapan saya, agar mesej yang kita cuba sampaikan melalui perarakan ini akan menepati objektif yang disasarkan.

Sekian, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.